

NO. SOALAN:19

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI  
ANNUAR BIN MUSA [KETEREH]**

**TARIKH : 31 JULAI 2017 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Bin Musa [Ketereh] minta PERDANA MENTERI menyatakan dasar Kerajaan terhadap perkembangan ajaran Syiah dan apakah langkah yang diambil bagi memastikan kestabilan dan keharmonian Islam terus terpelihara dari ancaman keganasan.**

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Ahli Sunnah wal- Jamaah adalah pegangan umat Islam di negara ini. Ia selaras dengan keputusan Muzakarah khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya

mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak.

Berdasarkan kepada undang-undang tubuh negeri pula, negeri Kedah dan Perlis telah memperuntukkan secara jelas berkenaan Ahli Sunnah wal-Jamaah, manakala negeri-negeri lain memberi peruntukan secara umum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengawalan ajaran Syiah adalah tertakluk di bawah Akta/ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah yang diperuntukkan di negeri-negeri. Ini adalah selaras dengan ketetapan Butiran 1 Senarai II Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bahawa hal ehwal Islam dibawah bidang kuasa negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dengan kerjasama Jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri (JAIN/MAIN) dan agensi lain serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa bekerjasama dan menggembeng tenaga dalam menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan serta sebagai langkah pencegahan.

Sekian, terima kasih.